



GARIS PANDUAN OPERASI BIL. 1 TAHUN 2021

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PENGEMUKAAN ANGGARAN CUKAI YANG KENA DIBAYAR DI BAWAH SEKSYEN 107C AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 (ACP)

1. PENDAHULUAN

Sistem Taksir Sendiri menghendaki pembayar cukai kategori syarikat, koperasi, badan amanah dan perkongsian liabiliti terhad (PLT) untuk mengemukakan Borang Anggaran Cukai Yang Kena Dibayar (Borang CP204) dan membayar anggaran cukai tersebut mengikut jadual yang ditetapkan. Syarikat, koperasi, badan amanah dan PLT juga dikehendaki untuk melaporkan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) pendapatan bercukai dan cukai yang kena dibayar. Sekiranya jumlah bayaran anggaran cukai yang telah dibuat kurang daripada cukai yang kena dibayar, perbezaan tersebut hendaklah dibayar dalam tempoh yang ditetapkan.

2. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan prosedur pengemukaan Borang CP204, Pindaan Anggaran Cukai Yang Kena Dibayar (Borang CP204A) dan Borang Pemberitahuan Pertukaran Tempoh Perakaunan (Borang CP204B) yang terpakai kepada:

- 2.1 Syarikat, koperasi, badan amanah dan PLT.
- 2.2 Syarikat yang mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta berkenaan dengan saham biasa pada permulaan tempoh asas bagi suatu

tahun taksiran [Syarikat Kecil dan Sederhana (SME)] di bawah subseksyen 107C(4A) ACP.

- 2.3 Syarikat bukan pemastautin yang tertakluk sepenuhnya kepada cukai pegangan di bawah seksyen 107A ACP.

3. PERUNTUKAN ACP

- 3.1 Kategori pembayar cukai yang perlu mengemukakan Borang CP204 bagi suatu tahun taksiran:

3.1.1 Syarikat, koperasi, badan amanah dan PLT yang sedang beroperasi.

3.1.2 Syarikat bermastautin yang mempunyai modal berbayar berhubung saham biasa RM 2.5 juta dan kurang (SME) pada permulaan tempoh asas suatu taksiran yang baru beroperasi juga perlu mengemukakan CP204 tetapi tidak perlu mengisi butiran amaun anggaran cukai yang kena dibayar. Syarikat dikehendaki untuk mengekalkan modal berbayar RM 2.5 juta atau kurang pada permulaan perniagaan dan juga pada permulaan dua (2) tahun taksiran berikutnya.

3.1.3 Syarikat bukan pemastautin yang tertakluk sepenuhnya kepada cukai pegangan di bawah seksyen 107A ACP.

3.1.4 Syarikat, koperasi, badan amanah dan PLT yang pernah beroperasi atau menjalankan perniagaan tetapi telah berhenti beroperasi atau menjalankan perniagaan (dormant).

- 3.2 Pengemukaan Borang CP204 dan Borang CP204A secara e-Filing di bawah subseksyen 107C(7A) ACP

3.2.1 Syarikat diwajibkan untuk mengemukakan Borang CP204 dan Borang CP204A secara e-Filing mulai Tahun Taksiran 2018.

3.2.2 Badan amanah, koperasi dan PLT diwajibkan untuk mengemukakan Borang CP204 dan Borang CP204A secara e-Filing mulai Tahun Taksiran 2019.

3.2.3 Kaedah pengemukaan dengan menggunakan sijil digital melalui:

- (i) Sistem e-Filing Ejen Cukai (TAeF) bagi semua jenis fail cukai.
- (ii) Sistem e-Filing Organisasi (OeF) bagi pengarah syarikat untuk semua kategori fail.

3.3 Maklumat berikut perlu dilengkappan dan boleh dikemas kini semasa pengemukaan e-CP204:

- (i) Tertakluk sepenuhnya kepada cukai pegangan di bawah seksyen 107A ACP (sekiranya layak)
- (ii) Tarikh permulaan operasi
- (iii) Syarikat SME yang layak pengecualian
- (iv) Tempoh perakaunan dan tempoh asas
- (v) Amaun anggaran cukai

3.4 Tempoh pengemukaan e-CP204

3.4.1 Syarikat sedang beroperasi:

Di bawah subseksyen 107C(2) ACP 1967, syarikat, koperasi, badan amanah dan PLT yang sedang beroperasi hendaklah mengemukakan e-CP204 (rujuk Lampiran 1) tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

3.4.2 Syarikat baharu beroperasi:

Di bawah perenggan 107C(4)(a) ACP 1967, bagi syarikat, koperasi, badan amanah dan PLT yang baru memulakan operasi dan mempunyai tempoh asas pertama untuk suatu tahun taksiran

tidak kurang daripada enam (6) bulan, e-CP204 hendaklah dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh permulaan operasi syarikat, koperasi, badan amanah dan PLT.

Contoh:

Tempoh asas bagi perniagaan baru beroperasi tidak kurang daripada enam (6) bulan

- (a) Syarikat ABC Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 25.2.2019 dan memulakan operasi perniagaan pada 1.4.2019. Tempoh perakaunan pertama berakhir pada 31.12.2019 (9 bulan). Syarikat perlu mengemukakan e-CP204 untuk Tahun Taksiran 2019 tidak lewat daripada 30.6.2019, iaitu tiga (3) bulan daripada tarikh permulaan operasi perniagaannya.

Bayaran ansuran bulanan akan bermula pada bulan ke-6 dalam tempoh asas bagi Tahun Taksiran 2019, iaitu mulai ansuran bulan September 2019 hingga Mei 2020.

- (b) Syarikat DEF Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 25.2.2019 dan memulakan operasi perniagaan pada 1.4.2019. Tempoh perakaunan pertama berakhir pada 30.11.2019 (8 bulan). Syarikat perlu mengemukakan e-CP204 untuk Tahun Taksiran 2019 tidak lewat daripada 30.6.2019, iaitu tiga (3) bulan daripada tarikh permulaan operasi perniagaannya.

Bayaran ansuran bulanan akan bermula pada bulan ke-6 dalam tempoh asas bagi Tahun Taksiran 2019, iaitu mulai ansuran bulan September 2019 hingga Mei 2020.

- (c) Syarikat XYZ Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 30.1.2019 dan memulakan operasi perniagaan pada 1.2.2019. Tempoh perakaunan pertama berakhir pada 30.9.2019 (8 bulan).

Syarikat perlu mengemukakan e-CP204 untuk Tahun Taksiran 2019 tidak lewat daripada 30.4.2019, iaitu tiga (3) bulan daripada tarikh permulaan operasi perniagaannya.

Bayaran ansuran bulanan bermula pada bulan ke-6 dalam tempoh asas bagi Tahun Taksiran 2019, iaitu mulai ansuran bulan Julai 2019 hingga Februari 2020.

3.5 Amaun minimum anggaran cukai

Subseksyen 107C(3) ACP memperuntukkan bahawa amaun minimum anggaran cukai bagi suatu tahun taksiran hendaklah tidak kurang daripada 85% amaun daripada pindaan anggaran cukai atau amaun anggaran cukai (jika tiada pindaan anggaran cukai dikemukakan) bagi tahun taksiran sebelumnya.

Syarikat, badan amanah, koperasi dan PLT yang baru memulakan operasi boleh menentukan anggaran cukai yang kena dibayar bagi tahun taksiran pertama mengikut anggaran keuntungan syarikat. Anggaran cukai yang kena dibayar bagi tahun taksiran pertama tersebut akan menjadi asas kepada penentuan anggaran cukai bagi tahun taksiran berikutnya.

3.6 Jadual bayaran

3.6.1 Bagi syarikat, badan amanah, koperasi dan PLT yang sedang beroperasi, subseksyen 107C(5) ACP memperuntukkan bahawa anggaran cukai yang kena dibayar hendaklah dibayar kepada KPHDN secara ansuran bulanan yang sama yang ditentukan mengikut bilangan bulan dalam suatu tempoh asas. Setiap ansuran hendaklah dibayar tidak lewat daripada tarikh tamat tempoh, mulai bulan ke-2 dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang mana anggaran itu dikemukakan.

- 3.6.2 Bagi syarikat, badan amanah, koperasi dan PLT yang baru beroperasi, subseksyen 107C(6) ACP menetapkan anggaran cukai yang kena dibayar hendaklah dibayar kepada KPHDN secara ansuran yang sama yang ditentukan mengikut bilangan bulan dalam suatu tempoh asas. Setiap ansuran hendaklah dibayar tidak lewat daripada tarikh tamat tempoh mulai bulan ke-6 dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang mana anggaran itu dikemukakan.
- 3.6.3 Bayaran ansuran hendaklah dibuat pada atau sebelum 15 haribulan setiap bulan.

Jadual tarikh akhir pengemukaan anggaran cukai yang kena dibayar dan bulan bayaran ansuran bermula

Tarikh mula tempoh asas	Tarikh akhir pengemukaan	Bulan bayaran ansuran bermula
01/01/2019	01/12/2018	Feb 2019
01/02/2019	01/01/2019	Mac 2019
01/03/2019	29/01/2019	Apr 2019
01/04/2019	01/03/2019	Mei 2019
01/05/2019	31/03/2019	Jun 2019
01/06/2019	01/05/2019	Julai 2019
01/07/2019	31/05/2019	Ogos 2019
01/08/2019	01/07/2019	Sept 2019
01/09/2019	01/08/2019	Okt 2019
01/10/2019	31/08/2019	Nov 2019
01/11/2019	01/10/2019	Dis 2019
01/12/2019	31/10/2019	Jan 2020

Contoh:

Pengiraan ansuran anggaran cukai bagi syarikat sedang beroperasi:

Amaun anggaran cukai dalam tempoh asas	RM130,000
Tempoh Asas	Januari – Disember
Bilangan ansuran dalam tempoh asas	12
Ansuran pertama mulai Februari dan berakhir Januari tahun berikutnya	$130,000/12 = \text{RM}10,833.33$ $\text{Ansuran } 1-11 = \text{RM}10,833$ $\text{Ansuran } 12 = \text{RM}10,837$

Nota: Jika terdapat nilai sen apabila anggaran cukai dibahagi dengan bilangan bulan dalam tempoh asas, amaun sen tersebut hendaklah ditambah kepada ansuran terakhir.

3.6.4 Syarikat, koperasi, badan amanah dan PLT tidak dibenarkan untuk mengemukakan e-CP204 lewat daripada tarikh pengemukaan yang telah ditetapkan jika Notis Bayaran Ansuran (CP205) telah dikeluarkan oleh KPHDN. Walau bagaimanapun, pindaan ke atas CP205 boleh dibuat pada bulan ke-6 atau bulan ke-9 atau kedua-duanya berdasarkan peruntukan subseksyen 107C(7) ACP.

3.7 Kegagalan mengemukakan Borang CP204

Jika syarikat, koperasi, badan amanah dan PLT gagal mengemukakan Borang CP204:

3.7.1 KPHDN akan menetapkan amaun anggaran cukai yang kena dibayar bagi suatu tahun taksiran melalui pengeluaran CP205.

3.7.2 Tindakan pendakwaan di bawah perenggan 120(1)(f) ACP boleh diambil berhubung dengan kegagalan untuk mengemukakan Borang CP204 dalam tempoh yang ditetapkan yang mana jika disabitkan, boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM200 dan tidak melebihi RM20,000 atau penjara bagi tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.

3.8 Pindaan anggaran cukai yang kena dibayar (Borang CP204A)

3.8.1 Syarikat, koperasi, badan amanah dan PLT dibenarkan untuk membuat pindaan anggaran cukai yang kena dibayar dengan mengemukakan e-CP204A (rujuk Lampiran 2).

3.8.2 Borang CP204 bagi suatu tahun taksiran boleh dipinda dalam bulan ke-6 atau ke-9 atau kedua-duanya dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran:

- (i) Sekiranya pindaan dibuat dalam bulan ke-6, ansuran pindaan berkuat kuasa boleh dipilih bermula ansuran ke-5 atau ke-6.
- (ii) Sekiranya pindaan dibuat dalam bulan ke-9, ansuran pindaan berkuat kuasa boleh dipilih bermula ansuran ke-8 atau ke-9.

3.8.3 Penentuan amaun ansuran yang dipinda

Baki ansuran cukai yang kena dibayar selepas pindaan akan dilaraskan dengan menggunakan pendekatan berikut:

- (i) Jika pindaan anggaran cukai melebihi amaun ansuran yang sepatutnya dibayar, baki anggaran cukai yang kena dibayar mestilah dibayar secara ansuran mengikut baki bilangan ansuran yang ada.

Contoh:

Tempoh asas	1.1.2019 – 31.12.2019
Tarikh akhir pengemukaan CP204	1.12.2018
Amaun anggaran asal dalam tempoh asas	RM120,000 (RM10,000 sebulan)
Amaun anggaran yang dipinda pada bulan ke-6 (memilih untuk berkuat kuasa ansuran ke-6)	RM260,000
Pengiraan ansuran bulanan bagi baki ansuran ke-6 hingga ke-12	= (RM260,000 – RM50,000) / 7 = RM30,000 sebulan

Jadual ansuran selepas pindaan

Ansuran	Tarikh kena dibayar	Amaun asal (RM)	Amaun pindaan (RM)
1	15.02.2019	10,000.00	10,000.00
2	15.03. 2019	10,000.00	10,000.00
3	15.04. 2019	10,000.00	10,000.00
4	15.05. 2019	10,000.00	10,000.00
5	15.06. 2019	10,000.00	10,000.00
6	15.07. 2019	10,000.00	30,000.00
7	15.08. 2019	10,000.00	30,000.00
8	15.09. 2019	10,000.00	30,000.00
9	15.10. 2019	10,000.00	30,000.00
10	15.11. 2019	10,000.00	30,000.00
11	15.12. 2019	10,000.00	30,000.00

12	15.01.2020	10,000.00	30,000.00
	Jumlah	120,000.00	260,000.00

- (ii) Jika pindaan anggaran cukai kurang daripada amaun ansuran yang sepatutnya dibayar, pemberhentian bayaran ansuran bagi bulan seterusnya boleh dilakukan.

Contoh:

Tempoh asas	1.04.2019 – 31.03.2020
Tarikh akhir pengemukaan CP204	1.03.2019
Amaun anggaran asal dalam tempoh asas	RM360,000 (RM30,000 sebulan)
Amaun anggaran yang dipinda pada bulan ke-9 (memilih untuk berkuat kuasa ansuran ke-8)	RM200,000
Pengiraan ansuran bulanan bagi baki ansuran ke-8 hingga ke-12	= (RM200,000 – RM210,000)/5 = Tiada

Jadual ansuran selepas pindaan

Ansuran	Tarikh Kena Dibayar	Amaun Asal (RM)	Amaun Pindaan (RM)
1	15.05.2019	30,000.00	30,000.00
2	15.06. 2019	30,000.00	30,000.00
3	15.07. 2019	30,000.00	30,000.00
4	15.08. 2019	30,000.00	30,000.00
5	15.09. 2019	30,000.00	30,000.00
6	15.10. 2019	30,000.00	30,000.00

7	15.11. 2019	30,000.00	30,000.00
8	15.12. 2019	30,000.00	0.00
9	15.01.2020	30,000.00	0.00
10	15.02. 2020	30,000.00	0.00
11	15.03. 2020	30,000.00	0.00
12	15.04. 2020	30,000.00	0.00
Jumlah		360,000.00	210,000.00

3.8.4 Syarikat SME yang layak pengecualian di bawah subseksyen 107C (4A) ACP dan syarikat yang tertakluk sepenuhnya kepada seksyen 107A ACP adalah tidak dibenarkan untuk membuat pindaan amaun anggaran cukai.

3.9 Arahan yang dikeluarkan oleh KPHDN untuk membuat bayaran ansuran

Di bawah subseksyen 107C(8) ACP, KPHDN boleh pada bila-bila masa mengarahkan mana-mana syarikat, koperasi, badan amanah dan PLT membuat bayaran ansuran ke atas anggaran cukai yang kena dibayar bagi suatu tahun taksiran. CP205 akan dikeluarkan oleh KPHDN bagi memaklumkan amaun ansuran bagi anggaran cukai yang kena dibayar (rujuk Lampiran 3).

Berikut adalah keadaan di mana KPHDN boleh mengeluarkan CP205 kepada syarikat, koperasi, badan amanah dan PLT:

- 3.9.1 Kegagalan mengemukakan Borang CP204 dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 30 hari sebelum bermula tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.
- 3.9.2 Pemberitahuan pertukaran tempoh perakaunan melalui Borang CP204B oleh pembayar cukai.

3.10 Syarikat SME yang layak pengecualian di bawah subseksyen 107C(4A) ACP

3.10.1 Perenggan 107C(4A)(a) ACP – Jika tempoh perakaunan pertama ditutup dalam tahun yang sama, pengecualian adalah bagi tahun taksiran tersebut dan tahun taksiran berikutnya.

Contoh: Tempoh perakaunan pertama syarikat adalah 1.1.2019 – 31.12.2019. Pengecualian yang layak adalah bagi Tahun Taksiran 2019 dan 2020.

Tempoh Perakaunan	Tahun Taksiran	Tempoh Asas
01.01.2019-31.12.2019	2019	01.01.2019-31.12.2019

3.10.2 Perenggan 107C(4A)(b) ACP - Jika tempoh perakaunan pertama ditutup dalam tahun berikutnya, pengecualian adalah bagi dua (2) tahun taksiran berikutnya.

Contoh: Tempoh perakaunan pertama syarikat adalah 1.7.2019 – 30.06.2020. Pengecualian yang layak adalah bagi Tahun Taksiran 2020 dan 2021.

Tempoh Perakaunan	Tahun Taksiran	Tempoh Asas
01.07.2019-30.06.2020	2019	Tiada
	2020	01.07.2019-30.06.2020

3.10.3 Perenggan 107C(4A)(c) ACP - Jika tempoh perakaunan pertama ditutup dalam tahun ketiga, pengecualian adalah bagi tahun taksiran tersebut dan dua (2) tahun taksiran berikutnya.

Contoh: Tempoh perakaunan pertama syarikat adalah 1.11.2019 – 31.12.2021. Pengecualian yang layak adalah bagi tahun taksiran 2021.

Tempoh Perakaunan	Tahun Taksiran	Tempoh Asas
1.11.2019 – 31.01.2021	2019	Tiada
	2020	Tiada
	2021	1.11.2019 – 31.01.2021

4. PEMBERITAHUAN PERTUKARAN TEMPOH PERAKAUNAN (BORANG CP204B)

4.1 Mulai Tahun Taksiran 2019, peruntukan subseksyen 21A(3A) ACP menghendaki supaya syarikat, koperasi, badan amanah dan PLT memaklumkan kepada KPHDN mengenai sebarang pertukaran tempoh perakaunan melalui borang yang ditetapkan iaitu Borang CP204B (rujuk Lampiran 4) dalam tempoh berikut:

4.1.1 Tempoh perakaunan dipendekkan

30 hari sebelum berakhirnya tempoh perakaunan yang baharu jika akaun baharu disediakan untuk tempoh kurang daripada 12 bulan dan ditutup sebelum berakhirnya tempoh perakaunan asal.

Contoh:

Tempoh Perakaunan	Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Tarikh Pengemukaan CP204B

<u>Asal</u> Akaun berakhir 31 Disember	1.1.2019 – 31.12.2019	2019	1.1.2019 – 31.12.2019	
<u>Baharu</u> Akaun berakhir 30 September	1.1.2019 – 30.9.2019 (akaun baharu)	2019	1.1.2019 – 30.9.2019	Selewat-lewatnya pada 30.8.2019

4.1.2 Tempoh perakaunan dipanjangkan

30 hari sebelum tarikh akhir tempoh perakaunan asal jika akaun baharu disediakan untuk tempoh melebihi 12 bulan dan ditutup selepas berakhirnya tempoh perakaunan asal.

Contoh:

Tempoh Perakaunan		Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Tarikh Pengemukaan CP204B
<u>Asal</u> Akaun berakhir 31 Mac	1.4.2018 – 31.3.2019	2019	1.4.2018 – 31.3.2019	
<u>Baharu</u> Akaun berakhir 31 Disember	1.4.2018 – 31.12.2019 (akaun baharu)	2019	1.4.2018 – 31.12.2019	Selewat-lewatnya pada 28.2.2019

- 4.2 Jika syarikat, koperasi, badan amanah dan PLT membuat pertukaran tempoh perakaunan dan pada masa yang sama ingin meminda anggaran cukai, pengemukaan perlu dibuat dalam bulan ke-6 atau ke-9 tempoh asas dengan mengemukakan Borang CP204B terlebih dahulu sebelum mengemukakan e-CP204A.

4.3 Pertukaran tempoh perakaunan berikutan penyelesaian syarikat

- 4.3.1 Bagi syarikat dalam proses penyelesaian, Akaun Penyelesaian (*Liquidator's Account of Receipts & Payments & a Statement of the Position in the Winding-up*) perlu disediakan untuk tempoh enam (6) bulan dari tarikh penyelesaian dilantik dan kemudian, bagi tempoh setiap enam (6) bulan berikutnya.
- 4.3.2 Syarikat dalam proses penyelesaian hendaklah mengemukakan Borang CP204B sebaik sahaja penyelesaian dilantik dan seterusnya perlu mengemukakan surat rayuan kepada KPHDN untuk mengelakkan pengenaan kompaun atau penalti atau kenaikan bayaran cukai yang dikenakan berikutan kegagalan untuk memaklumkan pertukaran tempoh perakaunan dalam tempoh yang ditetapkan.

4.4 Pengiraan ansuran cukai dipinda selepas pertukaran tempoh perakaunan

Pertukaran tempoh perakaunan sesebuah syarikat, koperasi, badan amanah dan PLT akan mengakibatkan perubahan tempoh asas dan anggaran cukai yang kena dibayar. Pertukaran tempoh perakaunan boleh menyebabkan wujudnya salah satu daripada keadaan berikut:

4.4.1 Tempoh perakaunan dipendekkan

Contoh: Tempoh perakaunan 12 bulan ditukar kepada kurang daripada 12 bulan dan berakhir dalam tahun yang berikutnya.

Tempoh perakaunan asal	1.1.2020 - 31.12.2020 (12 bulan)
Tempoh perakaunan baharu	1.1.2020 – 30.4.2020 (4 bulan)
Tarikh akhir pengemukaan Borang CP204B	30.3.2020
Tarikh syarikat mengemukakan Borang CP204B	4.3.2020 (dalam tempoh)

Anggaran cukai asal Tahun Taksiran 2020 (CP204)	RM12,000
Bayaran ansuran telah dibuat sehingga	Februari 2020

Ringkasan tempoh perakaunan dan tempoh asas baharu

Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2019	1.1.2019 – 31.12.2019	12 bulan
Tahun gagal	1.1.2020 – 30.4.2020	4 bulan
	1.5.2020 – 30.4.2021	12 bulan

Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Tempoh
2019	1.1.2019 – 31.12.2019	12 bulan
2020	1.1.2020 – 30.4.2020	4 bulan
2021	1.5.2020 – 30.4.2021	12 bulan

Ringkasan pertukaran tempoh perakaunan dan anggaran cukai yang kena dibayar

Tahun perakaunan	Tahun taksiran	Tempoh perakaunan	Tempoh asas	Anggaran cukai (RM)
<u>Asal</u> Akaun berakhir 31 Disember	2020	1.1.2020 – 31.12.2020 (12 bulan)	1.1.2020 – 31.12.2020 (12 bulan)	12,000 (CP204)
<u>Baharu</u> Akaun berakhir 30 April	2020	1.1.2020 – 30.4.2020 (4 bulan)	1.1.2020 – 30.4.2020 (4 bulan)	
	2021	1.5.2020 – 30.4.2021 (12 bulan)	1.5.2020 – 30.4.2021 (12 bulan)	

Pengiraan bayaran ansuran bagi Tahun Taksiran 2020

Tahun Taksiran 2020	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran								
Asal (CP204)	1.1.2020 – 31.12.2020 (12 bulan) = RM12,000/12	Februari 2020 – Januari 2021 = RM1,000 sebulan								
Pemberita huan (CP204B)	1.1.2020 – 30.4.2020 (4 bulan)	<p>Februari 2020 (1 bulan) = RM1,000 x 1 bulan = RM1,000</p> <p>Mac 2020 – Mei 2020 (3 bulan) = RM1,000 x 3 bulan = RM3,000</p> <p>Jumlah bayaran ansuran:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bulan</th><th>RM</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Februari 2020</td><td>1,000</td></tr> <tr> <td>Mac 2020 – Mei 2020 (RM1,000 x 3 bulan)</td><td>3,000</td></tr> <tr> <td>Jumlah</td><td>4,000</td></tr> </tbody> </table>	Bulan	RM	Februari 2020	1,000	Mac 2020 – Mei 2020 (RM1,000 x 3 bulan)	3,000	Jumlah	4,000
Bulan	RM									
Februari 2020	1,000									
Mac 2020 – Mei 2020 (RM1,000 x 3 bulan)	3,000									
Jumlah	4,000									

Jadual ansuran sebelum dan selepas pindaan

Ansuran	Tarikh kena dibayar	Amaun asal (RM)	Amaun pindaan (RM)
1	15.02.2020	1,000.00	1,000.00
2	15.03.2020	1,000.00	1,000.00
3	15.04.2020	1,000.00	1,000.00

4	15.05.2020	1,000.00	1,000.00
5	15.06.2020	1,000.00	
6	15.07.2020	1,000.00	
7	15.08.2020	1,000.00	
8	15.09.2020	1,000.00	
9	15.10.2020	1,000.00	
10	15.11.2020	1,000.00	
11	15.12.2020	1,000.00	
12	15.01.2021	1,000.00	
Jumlah		12,000.00	4,000.00

Contoh: Tempoh perakaunan 12 bulan ditukar kepada kurang daripada 12 bulan dan berakhir dalam tahun yang sama.

Tempoh perakaunan asal	1.3.2019 – 29.2.2020 (12 bulan)
Tempoh perakaunan baharu	1.3.2019 – 31.12.2019 (10 bulan)
Tarikh akhir pengemukaan Borang CP204B	30.11.2019
Tarikh syarikat mengemukakan Borang CP204B	13.1.2020 (lewat)
Anggaran cukai asal Tahun Taksiran 2020 (CP 204)	RM12,000
Bayaran ansuran telah dibuat sehingga	Disember 2019

Ringkasan tempoh perakaunan dan tempoh asas baharu

Tahun taksiran	Tempoh perakaunan	Tempoh
2019	1.3.2018 – 28.2.2019	12 bulan
Tahun gagal	1.3.2019 – 31.12.2019	10 bulan
	1.1.2020 – 31.12.2020	12 bulan
	1.1.2021 – 31.12.2021	12 bulan

Tahun taksiran	Tempoh asas	Tempoh
2019	1.3.2018 – 28.2.2019	12 bulan
2020	1.3.2019 – 31.12.2020	22 bulan
2021	1.1.2021 – 31.12.2021	12 bulan

Ringkasan pertukaran tempoh perakaunan dan anggaran cukai yang kena dibayar

Tahun perakaunan	Tahun taksiran	Tempoh perakaunan	Tempoh asas	Anggaran cukai (RM)
<u>Asal</u> Akaun berakhir 28 Februari	2020	1.3.2019 – 28.2.2020 (12 bulan)	1.3.2019 – 28.2.2020 (12 bulan)	12,000 (CP204)
<u>Baharu</u> Akaun berakhir 31 Disember	2020	1.3.2019 – 31.12.2019 (10 bulan)	1.3.2019 – 31.12.2020 (22 bulan)	
		1.1.2020 – 31.12.2020 (12 bulan)		
	2021	1.1.2021 – 31.12.2021 (12 bulan)	1.1.2021 – 31.12.2021 (12 bulan)	

Pengiraan bayaran ansuran bagi Tahun Taksiran 2020

Tahun taksiran 2020	Tempoh asas	Bayaran ansuran								
Asal (CP204)	1.3.2019 – 28.2.2020 (12 bulan) = RM12,000/12	April 2019 - Mac 2020 = RM1,000 sebulan								
Pemberitahuan(CP204B)	1.3.2019 – 31.12.2020 (22 bulan)	<p>April 2019 – Mac 2020 (12 bulan) = RM1,000 x 12 bulan = RM12,000</p> <p>April 2020 – Januari 2021 (10 bulan) = RM1,000 x 10 bulan = RM10,000</p> <p>Jumlah bayaran ansuran:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bulan</th> <th>RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>April 2019 – Mac 2020 (RM1,000 x 12 bulan)</td> <td>12,000</td> </tr> <tr> <td>April 2020 – Januari 2021 (RM1,000 x 10 bulan)</td> <td>10,000</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td>22,000</td> </tr> </tbody> </table>	Bulan	RM	April 2019 – Mac 2020 (RM1,000 x 12 bulan)	12,000	April 2020 – Januari 2021 (RM1,000 x 10 bulan)	10,000	Jumlah	22,000
Bulan	RM									
April 2019 – Mac 2020 (RM1,000 x 12 bulan)	12,000									
April 2020 – Januari 2021 (RM1,000 x 10 bulan)	10,000									
Jumlah	22,000									

Jadual ansuran sebelum dan selepas pindaan

Ansuran	Tarikh kena dibayar	Amaun asal (RM)	Amaun pindaan (RM)
1	15.04.2019	1,000.00	1,000.00
2	15.05.2019	1,000.00	1,000.00
3	15.06.2019	1,000.00	1,000.00
4	15.07.2019	1,000.00	1,000.00
5	15.08.2019	1,000.00	1,000.00
6	15.09.2019	1,000.00	1,000.00
7	15.10.2019	1,000.00	1,000.00
8	15.11.2019	1,000.00	1,000.00
9	15.12.2019	1,000.00	1,000.00
10	15.01.2020	1,000.00	1,000.00
11	15.02.2020	1,000.00	1,000.00
12	15.03.2020	1,000.00	1,000.00
13	15.04.2020		1,000.00
14	15.05.2020		1,000.00
15	15.06.2020		1,000.00
16	15.07.2020		1,000.00
17	15.08.2020		1,000.00
18	15.09.2020		1,000.00
19	15.10.2020		1,000.00
20	15.11.2020		1,000.00
21	15.12.2020		1,000.00
22	15.01.2021		1,000.00
Jumlah		12,000.00	22,000.00

4.5 Tempoh perakaunan dipanjangkan

Contoh: Tempoh perakaunan 12 bulan ditukar kepada lebih daripada 12 bulan dan berakhir dalam tahun berikutnya.

Tempoh perakaunan asal	1.8.2019 – 31.7.2020 (12 bulan)
Tempoh perakaunan baharu	1.8.2019 – 31.10.2020 (15 bulan)
Tarikh akhir pengemukaan Borang CP204B	30.6.2020
Tarikh syarikat mengemukakan Borang CP204B	7.4.2020 (dalam tempoh)
Anggaran cukai asal Tahun Taksiran 2020 (CP 204)	RM12,000
Bayaran ansuran telah dibuat sehingga	Mac 2020

Ringkasan tempoh perakaunan dan tempoh asas baharu

Tahun taksiran	Tempoh perakaunan	Tempoh
2019	1.8.2018 – 31.7.2019	12 bulan
Tahun gagal	1.8.2019 – 31.10.2020	15 bulan
2021	1.11.2020 – 31.10.2021	12 bulan

Tahun Taksiran	Tempoh Asas	Tempoh
2019	1.8.2018 – 31.7.2019	12 bulan
2020	1.8.2019 – 31.10.2020	15 bulan
2021	1.11.2020 – 1.10.2021	12 bulan

Ringkasan pertukaran tempoh perakaunan dan anggaran cukai yang kena dibayar

Tahun Perakaunan	Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas	Anggaran Cukai (RM)
<u>Asal</u> Akaun berakhir 31 Julai	2020	1.8.2019 – 31.7.2020 (12 bulan)	1.8.2019 – 31.7.2020 (12 bulan)	12,000 (CP204)
<u>Baharu</u> Akaun berakhir 31 Oktober	2020	1.8.2019 – 31.10.2020 (15 bulan)	1.8.2019 – 31.10.2020 (15 bulan)	
	2021	1.11.2020 – 31.10.2021 (12 bulan)	1.11.2020 – 31.10.2021 (12 bulan)	

Pengiraan bayaran ansuran bagi Tahun Taksiran 2020

Tahun Taksiran 2020	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran
Asal (CP204)	1.8.2019 – 31.7.2020 (12 bulan) = RM12,000/12	September 2019 – Ogos 2020 = RM1,000 sebulan

Pemberitahuan (CP204B)	<p>1.8.2019 – 31.10.2020 (15 bulan)</p> <p>September 2019 – Ogos 2020 (12 bulan) = RM1,000 x 12 bulan = RM12,000</p> <p>September 2020 – November 2020 (3 bulan) = RM1,000 x 3 bulan = RM3,000</p> <p>Jumlah bayaran ansuran:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bulan</th><th>RM</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>September 2019 – Ogos 2020 (RM1,000 x 12 bulan)</td><td>12,000</td></tr> <tr> <td>September 2020 – November 2020 (RM1,000 x 3 bulan)</td><td>3,000</td></tr> <tr> <td>Jumlah</td><td>15,000</td></tr> </tbody> </table>	Bulan	RM	September 2019 – Ogos 2020 (RM1,000 x 12 bulan)	12,000	September 2020 – November 2020 (RM1,000 x 3 bulan)	3,000	Jumlah	15,000
Bulan	RM								
September 2019 – Ogos 2020 (RM1,000 x 12 bulan)	12,000								
September 2020 – November 2020 (RM1,000 x 3 bulan)	3,000								
Jumlah	15,000								

Jadual ansuran sebelum dan selepas pindaan

Ansuran	Tarikh kena dibayar	Amaun asal (RM)	Amaun pindaan (RM)
1	15.09.2019	1,000.00	1,000.00
2	15.10.2019	1,000.00	1,000.00
3	15.11.2019	1,000.00	1,000.00
4	15.12.2019	1,000.00	1,000.00
5	15.01.2020	1,000.00	1,000.00
6	15.02.2020	1,000.00	1,000.00
7	15.03.2020	1,000.00	1,000.00
8	15.04.2020	1,000.00	1,000.00
9	15.05.2020	1,000.00	1,000.00

10	15.06.2020	1,000.00	1,000.00
11	15.07.2020	1,000.00	1,000.00
12	15.08.2020	1,000.00	1,000.00
13	15.09.2020		1,000.00
14	15.10.2020		1,000.00
15	15.11.2020		1,000.00
Jumlah		12,000.00	15,000.00

Contoh: Tempoh perakaunan 12 bulan ditukar kepada lebih daripada 12 bulan dan berakhir dalam tahun ketiga.

(i) CP204B dikemukakan dalam tempoh asas pertama

Tempoh perakaunan asal	1.1.2020 - 31.12.2020 (12 bulan)
Tempoh perakaunan baharu	1.1.2020 – 31.1.2021 (13 bulan)
Tarikh akhir pengemukaan Borang CP204B	30.11.2020
Tarikh syarikat mengemukakan Borang CP204B	21.6.2020 (dalam tempoh asas pertama)
Anggaran cukai asal Tahun Taksiran 2020 (CP 204)	RM12,000
Anggaran cukai asal Tahun Taksiran 2021 (CP 204)	RM60,000
Bayaran ansuran telah dibuat sehingga	Jun 2020

Ringkasan tempoh perakaunan dan tempoh asas baharu

Tahun taksiran	Tempoh perakaunan	Tempoh
2019	1.1.2019 – 31.12.2019	12 bulan
Tahun gagal	1.1.2020 – 31.1.2021	13 bulan
	1.2.2021 – 31.1.2022	12 bulan

Tahun taksiran	Tempoh asas	Tempoh
2019	1.1.2019 – 31.12.2019	12 bulan
2020	1.1.2020 – 31.7.2020	7 bulan
2021	1.8.2020 – 31.1.2021	6 bulan
2022	1.2.2021 – 31.1.2022	12 bulan

Ringkasan pertukaran tempoh perakaunan dan anggaran cukai yang kena dibayar

Tahun perakaunan	Tahun taksiran	Tempoh perakaunan	Tempoh asas	Anggaran cukai (RM)
<u>Asal</u> Akaun berakhir 31 Disember	2020	1.1.2020 – 31.12.2020 (12 bulan)	1.1.2020 – 31.12.2020 (12 bulan)	12,000 (CP204)
<u>Baharu</u> Akaun berakhir 31 Januari	2020	1.1.2020 – 31.1.2021 (13 bulan)	1.1.2020 – 31.7.2020 (7 bulan)	
	2021		1.8.2020 – 31.1.2021 (6 bulan)	60,000 (CP 204)

Pengiraan bayaran ansuran bagi Tahun Taksiran 2020

Tahun Taksiran 2020	Tempoh asas	Bayaran ansuran								
Asal (CP204)	1.1.2020 – 31.12.2020 (12 bulan) = RM12,000/12	Februari 2020 – Januari 2021 = RM1,000 sebulan								
Pemberitahuan(CP204B)	1.1.2020 – 31.7.2020 (7 bulan)	<p>Februari 2020 – Jun 2020 (5 bulan) = RM1,000 x 5 bulan = RM5,000</p> <p>Julai 2020 – Ogos 2020 (2 bulan) = RM1,000 x 2 bulan = RM2,000</p> <p>Jumlah bayaran ansuran:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bulan</th><th>RM</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Februari 2020 – Jun 2020 (RM1,000 x 5 bulan)</td><td>5,000</td></tr> <tr> <td>Julai 2020 – Ogos 2020 (RM1,000 x 2 bulan)</td><td>2,000</td></tr> <tr> <td>Jumlah</td><td>7,000</td></tr> </tbody> </table>	Bulan	RM	Februari 2020 – Jun 2020 (RM1,000 x 5 bulan)	5,000	Julai 2020 – Ogos 2020 (RM1,000 x 2 bulan)	2,000	Jumlah	7,000
Bulan	RM									
Februari 2020 – Jun 2020 (RM1,000 x 5 bulan)	5,000									
Julai 2020 – Ogos 2020 (RM1,000 x 2 bulan)	2,000									
Jumlah	7,000									

Jadual ansuran sebelum dan selepas pindaan bagi Tahun Taksiran 2020

Ansuran	Tarikh kena dibayar	Amaun asal (RM)	Amaun pindaan (RM)
1	15.02.2020	1,000.00	1,000.00
2	15.03.2020	1,000.00	1,000.00
3	15.04.2020	1,000.00	1,000.00
4	15.05.2020	1,000.00	1,000.00
5	15.06.2020	1,000.00	1,000.00
6	15.07.2020	1,000.00	1,000.00
7	15.08.2020	1,000.00	1,000.00
8	15.09.2020	1,000.00	
9	15.10.2020	1,000.00	
10	15.11.2020	1,000.00	
11	15.12.2020	1,000.00	
12	15.01.2021	1,000.00	
Jumlah		12,000.00	7,000.00

Jadual bayaran ansuran bagi Tahun Taksiran 2021

Tahun Taksiran 2021	Tempoh asas	Bayaran ansuran
Asal (CP204)	1.8.2020 – 31.1.2021 (6 bulan) = RM60,000/6	September 2020 – Februari 2021 = RM10,000 sebulan Jumlah bayaran ansuran:

		Bulan	RM
